


Headline	Nasib pelajar, pensyarah akan dibela Idris		
MediaTitle	Kosmo		
Date	15 Apr 2014	Color	Full Color
Section	Negara	Circulation	115,967
Page No	10	Readership	406,000
Language	Malay	ArticleSize	295 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,565
Frequency	Daily	PR Value	RM 7,695



Susulan penutupan AIU gara-gara masalah dalaman

Nasib pelajar, pensyarah akan dibela – Idris

PUTRAJAYA - Kementerian Pendidikan akan memastikan kira-kira 600 orang pelajar Universiti Antarabangsa Albukhary (AIU) dapat menyambung kembali pengajian mereka di mana-mana institusi pengajian tinggi (IPT) tempatan selepas kampus itu dijadualkan akan ditutup tidak lama lagi.

Menteri Pendidikan Kedua, Datuk Seri Idris Jusoh berkata, pihaknya turut memberi keyakinan bahawa semua pelajar akan mengikuti kursus yang sama seperti yang diambil sebelum ini.

“Kita akan memastikan setiap hak dan kebajikan pelajar, pensyarah dan kakitangan akan mendapat pembelaan dan tidak seorang pun pelajar yang akan tercicir daripada pengajian,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas Majlis Penyerahan Sumbangan Dana Pendidikan Persatuan Alumni Universiti Teknologi Mara (UiTM) di sini semalam.

Hadir sama ialah Presiden Persatuan Alumni UiTM (PAUiTM), Datuk Zaini Hassan.

Reaksi Idris itu sebagai mengulas laporan mengenai AIU yang terletak di Alor Setar, Kedah yang berkeungkinan akan ditutup



IDRIS (tiga dari kiri) dan Zaini (dua dari kiri) bergambar bersama para penderma dana pendidikan untuk Tabung Pendidikan Persatuan Alumni UiTM di Putrajaya semalam.



AIU di Alor Setar, Kedah yang didakwa bakal ditutup Jun ini banyak membantu golongan kurang berkemampuan untuk menyambung pengajian di menara gading.

pada Jun depan susulan masalah dalaman yang dihadapinya.

Memetik laporan media

baru-baru ini, satu sumber universiti itu memberitahu, satu perjumpaan telah diadakan antara wakil kepada

Tan Sri Syed Mokhtar Albukhary dengan warga universiti berkenaan termasuk para pensyarah, pentadbir dan para pelajarnya.

AIU sebelum ini dikenali sebagai sebuah universiti yang banyak mengubah kehidupan golongan kurang berkemampuan kerana tidak mengenakan sebarang bayaran terhadap penuntutnya yang rata-ratanya terdiri daripada golongan tidak berkemampuan dari seluruh dunia.

Kampus itu yang dibina pada 2010 sebagai wakaf yang dibiayai oleh Yayasan Albukhary milik Syed Mokhtar itu juga dilengkapi dengan penginapan dan kemudahan komprehensif.